

NO. SOALAN: 4

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB DATO' OTHMAN BIN AZIZ [JERLUN]

SOALAN :

YB Dato' Othman bin Aziz [Jerlun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelajar yang mendapat tajaan sepenuhnya dari Kerajaan untuk pembiayaan pengajian di luar negara pada tahun 2014 dan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengurangkan jumlah biasiswa yang ditawarkan untuk pembiayaan program ijazah pertama dan lanjutan bagi pengajian di luar negara pada tahun 2015.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2014, seramai 821 jumlah pelajar telah mendapat tajaan sepenuhnya dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk pembiayaan pengajian di luar negara.

Pada ketika ini, Kerajaan tidak bercadang untuk mengurangkan jumlah biasiswa yang ditawarkan untuk membiayai program ijazah pertama dan lanjutan bagi pengajian di luar negara. Antara program-program tersebut adalah Program Universiti Terkemuka, Program Kejuruteraan Jepun, Korea, Perancis dan Jerman, Program Lepasan Bursary dan Program Pelajar Cemerlang.

Sekian. Terima kasih.